

## **Tokoh Pujangga Arab:**

### **Memperkatakan Pujangga al-Aqqad dalam Beberapa Segi**

Al-Aqqad adalah seorang pujangga Arab (Mesir) yang terkenal di seluruh dunia Arab dan Timur Tengah. Nama penuhnya ialah Abbas Mahmud al-Aqqad. Beliau dilahirkan di Aswan sebuah kota kecil yang terletak kira-kira 200 batu dari kota Kaherah – pada tahun 1889 dan baru sahaja meninggal dunia pada tanggal 12 haribulan March 1964 yang lalu dalam masa berusia 75 tahun.

Riwayat hidupnya penuh dengan bermacam-macam keganjilan, keganjilan-keganjilan yang di luar dugaan. Maka untuk menganalisa segala keganjilan yang ada pada pujangga al-Aqqad, marilah kita serahkan tugasnya kepada saudara Sabri Selamon seorang mahasiswa yang sedang melanjutkan pelajaran tingginya di al-Azhar University dalam jurusan undang-undang dan syaria Islam.

Pengarang.

Oleh: Sabri Selamon

#### **Riwayat Hidup al-Aqqad sepintas Lalu:**

Beliau dilahirkan di Aswan – satu kota kecil di utara Mesir yang terletak kira 200 batu dari kota Kaherah – pada tanggal 28 haribulan Jun 1889.

Al-Aqqad sempat menamatkan sekolahnya hanya sampai ke peringkat rendah sahaja. Dari sejak kecil lagi beliau duduk serumah dengan seorang shaykh lepasan al-Azhar University dan shaykh tersebut adalah bekas murid Jamāl al-Dīn al-Afghānī – seorang pembangunan Islam yang ulung di abad kedua puluh – melalui shaykh itulah al-Aqqad mula mengenal ilmu sastera khususnya puisi. Selepas itu, beliau masuk belajar di sekolah telegraf di samping sebagai pengarang sebuah akhbar yang bernama al-Dustūr.

Pada masa Perang Dunia yang Pertama (1914) beliau mengajar di sebuah sekolah menengah di Aswan. Ketika nazir sekolah itu disingkirkan oleh Inggeris, beliau menggantikan tempat kosong yang ditinggalkan oleh nazir

tersebut; tetapi segala gerak-gerinya di bawah pengawasan mata-mata Inggeris, kerana beliau termasuk di antara orang-orang yang dicurigai oleh pihak kerajaan Inggeris, dan pada tahun 1916 beliau meletakkan jawatan dan terus melarikan diri ke kota Kaherah. Di Kaherah beliau bekerja sebagai guru di sekolah menengah “Wādī al-Nīl” di samping bertugas sebagai wartawan dan penulis khas bagi beberapa buah majalah yang diterbitkan di kota Kaherah.

Beliau telah mencuba bekerja dengan kerajaan di dalam beberapa jawatan. Jawatan yang pertama yang pernah beliau bertugas ialah sebagai Setiausaha al-Awqaf<sup>1</sup>. Selepas itu, beliau bekerja sebagai pegawai kewangan daerah, pegawai urusan barang import eksport, pegawai Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain lagi. Tiap-tiap jawatan yang disandangnya menimbulkan kegelisahan di dalam jiwanya – yang rupanya segala jawatan di zaman penjajah itu tidak sesuai dengan semangat jiwanya yang bebas dan merdeka.

<sup>1</sup> Al-Awqaf - kementerian Wakaf Agama, Mesir

Beliau seorang pujangga yang sangat teguh berpegang dengan ajaran-ajaran agama, kuat beribadah; di sepanjang hayatnya suci dari sebarang kejahatan. Beliau suka mengasingkan diri dan sangat pandai mengatur dan menjaga waktu. Ketika diberitakan akan kewafatan pujangga al-Aqqad, para pujangga dan para pengarang dunia Arab yang lain berkata bahawa manusia semacam al-Aqqad tidak akan berulang datang ke alam maya ini lagi.

**50 tahun berjuang di alam ilmu pengetahuan:**

Pujangga al-Aqqad . . . berlalu dan terus berlalu . . . terus berlalu tanpa berulang di belakangnya tertinggal satu kekosongan yang belum dapat diisi oleh orang lain, mungkin tidak ada orang yang akan mengisinya sampai bila-bila masa; sebagaimana kata para cendekiawan Arab bahawa orang seperti al-Aqqad tak akan berulang lagi ke alam maya ini.

Buku-buku ciptaannya yang mewakili usaha hayatnya selama 75 tahun akan terus bercahaya dan kekal sebagai satu warisan kepada generasi-generasi yang akan datang sesudahnya. Buku-buku kajian di dalam semua segi ilm<sup>2</sup> pengetahuan akan menjadi contoh usaha gigih terhadap angkatan baru. Segala kupasan-kupasannya yang tak tergambar oleh akal biasa itu akan terus hidup menyala sebagai sebuah lampu penyuluh menuju ke arah jalan yang lebih sempurna.

Al-Aqqad satu-satunya tokoh yang terkenal berjuang demi untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan selama 50 tahun di kalangan rakyat Arab tanpa mengenal bahaya, lelah dan penat. Lahirnya al-Aqqad di tengah-tengah masyarakat sasterawan, telah menggoncangkan para tokoh-tokoh yang lain, sehingga beliau buat tahun-tahun permulaannya merupakan seorang pujangga muda yang paling banyak musuh, namun begitu pada akhirnya para sasterawan-sasterawan di seluruh dunia Arab mengekor di belakangnya.



Pujangga 'Abbas Mahmud al-Aqqad

Tegasnya para ahli fikir tunduk di bawah cahaya keagungannya di alam seni, agama, falsafah, sastera, politik, ekonomi dan lain-lain lagi.

Betapa kagumnya orang bila mana mereka mengetahui

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah ilmu.

bahawa pengetahuan al-Aqqad di dalam semua segi, sebagai pelopor dunia sastera Arab modern<sup>3</sup> didapatinya bukan dari mana-mana gedung universiti, tetapi pengetahuan yang luas melaut di dalam semua segi dan jurusan itu hanya didapatinya dari hasil membaca buku-buku yang berada di dalam kutub khanaahnya sendiri, sehingga beliau dikatakan orang sebagai seorang manusia yang mempunyai kecemerlangan otak melebihi tenaga elektron.

Membaca buah ciptaan al-Aqqad, harus terlebih dahulu mengkaji atau dengan perkataan lain, mengetahui latar-belakang pengetahuannya yang mendalam dan luas itu dan harus tahu latar-belakang kehidupannya. Ini akan lebih memudahkan orang memahami buah fikiran yang terkandung di dalam karangan-karangannya. Tetapi kalau membaca hasil karayanya<sup>4</sup> hanya sebagai pengisi waktu senggang, seperti membaca buku-buku hiburan dan karangan-karangan ringan, tentulah sukar sekali untuk mengambil intisari pengetahuan yang terkandung di dalam karangannya itu. Untuk mengukur nilai buah fikiran pujangga al-Aqqad cukup dengan mengatakan bahawa boleh dikatakan kesemua surat khabar-surat khabar dan majalah-majalah seluruh negara-negara Arab tidak putus-putus mengisikan ruangnya dengan buah pena pujangga al-Aqqad dari segala jurusan ilmu pengetahuan. Tentang seni, tentang social, tentang agama, tentang ekonomi, tentang sastera, tentang kedokteran dan lain-lain lagi.

#### **Wafatnya dalam kemiskinan:**

Wafatnya pujangga atau ahli fikir serba complex itu amat merugikan seluruh masyarakat bangsa Arab: kerana dengan adanya ahli fikir yang mengagumkan inilah yang menjawab segala pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh orang lain; dari persoalan yang sekecil-kecilnya sampai kepada persoalan yang sebesar-besarnya, dari persoalan kehidupan manusia sampai kepada persoalan ketuhanan,

dari persoalan akhirat sampai kepada persoalan sains, beliau seorang sahajalah yang dapat menguraikannya dengan tepat dan jitu.

Lahirnya al-Aqqad ke dunia Arab atau ke dalam masyarakat Arab, dianggap orang sebagai suatu mukjizat abad yang kedua puluh; atau dengan perkataan yang lebih sederhana lahirnya ahli fikir yang ulung itu ke dalam masyarakat Arab sebagai lahirnya bulan indah buat menerangi dunia fikiran bangsa Arab seluruhnya.

Pada hari wafatnya banyak orang yang menyangka, bahawa ahli fikir yang hari-hari tulisannya terdapat di ruangan muka majalah, surat khabar-surat khabar, serta buku-bukunya membanjiri tokoh-tokoh<sup>5</sup> buku besar dan kecil seluruh negara-negara Arab dan Islam – tentulah beliau itu seorang yang kaya-raja dan sudah menjadi seorang hartawan yang hidup ‘millionaire’ dari hasil karya dan ciptaannya yang sebegitu banyak – tetapi rupanya sangkaan orang ramai itu meleset dari keadaan yang sebenarnya. Beliau wafat dengan tidak meninggalkan sebarang harta kekayaan, kecuali beberapa pound wang Mesir, yang kira-kira cukup untuk membeli kain kafan dan cukup untuk urusan mengkebumikan jenazahnya sahaja. Pujangga pujaan dan kesayangan rakyat ini meninggal dunia dengan keadaan serba miskin – miskin dalam segala jurusan; tanpa meninggalkan harta kekayaan, tanpa meninggalkan anak cucu dan tanpa meninggalkan balu (kerana selama hayatnya ia hidup membujang). Hanya yang dapat ditinggalkannya dari hasil usahanya yang gigih dan dari penat jerihnya selama 50 tahun itu ialah suatu perbendaharaan yang boleh dijadikan warisan kepada generasi angkatan baru yang datang kemudian daripada wafatnya iaitu berupa buku-buku pengetahuan yang menganalisa semua segi persoalan hidup di dunia dan akhirat itulah dia manusia sejarah yang telah dapat menebus hayatnya dengan usaha-usaha mulia dan sanggup memberikan pengorbanan yang kekal

<sup>3</sup> Perkataan sebenarnya adalah *modern*.

<sup>4</sup> Perkataan sebenarnya adalah *karyanya*.

<sup>5</sup> Perkataan sebenarnya adalah *toko-toko*.

abadi bersama-sama dengan edaran zaman.

Apalah ertinya hartanya kekayaan di sekeliling pinggang, kalau harta itu sendiri menghancurkan cita-cita dan mematikan jiwanya untuk berkorban terhadap masyarakat bangsanya; apalah ertinya anak, kalau anak itu sendiri bersikap biang keladi tidak sanggup menjaga kehormatan dirinya, menginjak-injak bangsa dan menjual negaranya.

Para pengkritik berpendapat bahawa pujangga al-Aqqad di dalam riwayat hidupnya mengalami empat peringkat zaman:

1. Zaman ideal
2. Zaman perasaan
3. Zaman tasawwuf
4. Zaman agama

#### **Ahli Fikir Bebas dan Genius**

Beliau berfikir dengan merdeka ... menulis bebas, sehingga dengan kemerdekaan fikirannya dan kebebasan tulisannya beliau pernah meringkuk ke dalam penjara di zaman King Fuad. Namun begitu beliau tidak takut kepada sesiapa, dasarnya terus-terang – inilah sikap beliau yang berani dan luar biasa. Beliau dengan tegas berani menentang sikap pemerintahan yang kejam: di Parliament suaranya lantang menentang dan mengkritik sistem pemerintahan Inggeris di bumi Mesir. Keluar dari penjara sikap beliau kian tambah berani, suaranya kian lantang dan lebih bergema. Beliau berjuang demi memperluaskan kemerdekaan berfikir dan demi menegakkan perikemanusiaan.

Satu hal yang tidak dapat dinafikan, bahawa beliau suka mengkaji soal genius (bakat pembawaan seseorang), dan dalam mempersoalkan genius itu beliau sering bertegang leher dengan orang-orang yang menentang pendapatnya. Setengah kritikus berpendapat bahawa genius al-Aqqad mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan bercorak

sejarah; tetapi pada hakikatnya genius al-Aqqad lebih mendekati sifat seni dan sejarah. Di sinilah dapat diberikan perbandingan setelah kita meninjau isi buku **Hayyat Muḥammad** (Peri Hidup Muhammad) karangan Dr. Husayn Haykal dengan kandungan buku **‘Abqariyyah Muḥammad** (Kebijaksanaan Muhammad atau Genius Muhammad) karangan al-Aqqad yang lebih bersifat sastera dari bersifat sejarah. Al-Aqqad membayangkan peribadi Nabi Muhammad (S.A.W) sebagai contoh utama di dalam perasaan dan pengetahuan yang luas dan serba complete, dan perasaan itulah yang menjadi asas pertama menuju genius. Menurut pendapatnya genius itu tidak mengenal kelemahan dan tidak boleh terbatas dari landasan kebenaran atau dengan perkataan lain, bahawa genius itu tak mungkin menyeleweng ke arah landasan yang menyesatkan. Dengan itu ternyata bahawa beliau menulis tentang genius Nabi Muhammad bukan ditinjau dari segi sejarah, sahaja tetapi juga dari sudut seni dan perasaan, dan beliau sendiri berdiri selaku seniman.

Beliau adalah seorang yang percaya kuat kepada genius personal (pembawaan perseorangan); beliau percaya bahawa kebudayaan dan ketamadunan itu diciptakan oleh manusia genius, mereka itulah yang menciptakan sejarah. Dengan itu para ahli sastera dan seniman membuat kesimpulan ciptaan al-Aqqad boleh dan sesuai dimasukkan ke dalam bahan-bahan drama. Jika ada para penulis yang hendak menulis drama tentang peri hidup Khalifah Umar ibn al-Khattab, nescaya ia akan dapat menemui bahan drama aslinya melewati buku **“‘Abqariyyah ‘Umar”** (Genius Umar) karangan al-Aqqad; kerana ada pada khususnya buku itu lebih banyak menganalisa dan menggambarkan tentang peribadi Khalifah Umar, berikutan dengan kupasan-kupasan meluas tentang sudut-sudut yang lain.

Sesungguhnya genius seorang itu lahir dari

suasana dan situasi masyarakat kelilingnya. Al-Aqqad muncul dari satu keluarga yang hidup miskin, tanpa memegang sesuatu diploma atau degree, beliau boleh melompat ke garisan depan di dalam masyarakat; keistimewaan genius al-Aqqad ternyata didapati tidak ada seorang pun yang boleh menyamainya di dalam beberapa segi ilmu pengetahuan. Hal ini menyebabkan beliau berpendapat bahawa genius itu selain dari pemberian Tuhan ia akan lahir dari situasi masyarakat sekeliling.

Setengah kritikus berpendapat, bahawa pujangga dan ahli fikir yang ulung ini adalah seorang manusia yang bersifat spontan, (*spontaneously*) yaitu tenaga rangsangannya<sup>6</sup> lebih dahulu mendatang baharu tenaga fikirnya menyusul di belakang – kedudukan yang begini lebih dekat kepada dunia seniman dari dunia saintis – sedangkan para sarjana saintis berpendapat sebaliknya; yaitu tenaga fikir lebih dahulu mendatang, kemudian baharu disusul oleh tenaga rangsangan; kerana fikiran itu adalah asas sesuatu, sedangkan perasaan merupakan hamba fikiran. Menurut pendapat al-Aqqad pula bahawa akal itu berjalan mengikut rangsangan perasaan.

#### **Sahabat Saad Zaghloul**

Al-Aqqad mempunyai perhubungan yang rapat sekali dengan penganjur Mesir yang terkenal “Saad Zaghloul”; pemimpin Parti al-Wafd (Parti Perwakilan) dan pernah menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Bekerja dalam parti tersebut. Tetapi apabila Saad Zaghloul meninggal dunia, beliau pun terus meletakkan jawatan dan keluar dari menjadi ahli parti itu, kerana meninggalnya Saad Zaghloul, al-Aqqad merasakan tidak ada seorang pemimpin negara yang layak menggantikan tempatnya; tidak ada seorang tokoh perjuangan yang boleh menggoncangkan jiwanya; ertinya selepas hilangnya Saad Zaghloul tidak ada seorang tokoh

atau pemimpin bangsa yang yang boleh mengkagumkan beliau tentang keberanian, keperwiraan dan kebijaksanaan.

Mengikut al-Aqqad bahawa Zaghloul adalah seorang penganjur yang bersifat jujur, perwira dan bijaksana; sifat-sifat inilah yang meruntun jiwa al-Aqqad suka berdamping dengan pemimpin Mesir yang ulung itu. Oleh itu tidak hairan kalau beliau menulis sejarah yang indah tentang Revolusi Mesir tahun 1919, di mana terdapat peribadi Saad Zaghloul sangat beliau sanjung tinggi selaku seorang perwira bangsa yang memegang peranan utama di dalam perjuangan Revolusi tersebut.

Beliau banyak sekali menulis buku-buku yang menganalisa para cendekiawan, para bijaksana dan ahli fikir Islam sejak dari zaman silam hingga ke zaman morden<sup>7</sup> ini. Beliau menulis tentang genius-genius Islam itu bukanlah dari kerana desakan jiwa atau tonjolan perasaan fanatiknyanya terhadap agama Islam; dalilnya beliau pernah menulis sebuah buku yang paling istimewa – malah belum ada duanya dalam Bahasa Arab – menganalisa dan mengupas tentang riwayat hidup dan peribadi Sayyid al-Masih (Saiyidina ‘Isa ‘alayhi al-salām)

Bersambung.

---

Satu perkhidmatan baru yang dilaksanakan oleh syarikat penerbangan Sa‘udi ‘Arabia pada tahun ini terhadap para jemaah haji, ialah memasang alat-alat perakam suara di dalam semua kapal terbang-kapal terbang yang membawa para jemaah haji dari negara-negara yang berhampiran ke Jeddah. Rakaman-rakaman tersebut diisi dengan pelajaran cara-cara mengerjakan haji dan umrah serta mengandungi doa-doa yang patut dibaca oleh mereka pada masa mengerjakan ibadah haji dan umrah itu.

<sup>6</sup> Perkataan sebenarnya adalah rangsangan.

<sup>7</sup> Perkataan sebenarnya adalah *modern*.